

104

Pertapis gigih berusaha perkembang seni silat kepada masyarakat

27 MAR 1978

Pencak niat

PERTAPIS — sebuah badan dakwah Islamiah tempatan sentiasa berusaha menarik lebih ramai belia kepada kerja - kerja kebajikan agar terhindar dari kegiatan yang tidak sihat.

Selain dari menganjurkan kelas - kelas agama, mereka juga terlibat dalam kegiatan seperti sukan dan riadhah untuk menampung minat dan kesukaan para belia.

Antara berbagai kegiatan Pertapis, silat, sejak kebelakangan ini telah banyak menarik perhatian dan penglibatan para belia.

Sebuah kelas silat Pertapis telah berlangsung di Jalan Mustika, Kaki Bukit dan telah mendapat sambutan menggalakkan dari belia yang

tinggal di sekitar kawasan itu.

Baru-baru ini sejumlah 35 orang pelatih telah menerima lencana mereka dari Guru Silat, Lek Mukti Asnapi.

Menurut Setiausaha Agung Pertapis, Encik Hussein Abdullah seramai 50 orang belia yang mengikuti kelas silat itu telah didaftarkan di pejabat Unit Kawalan Seni Pertahanan Diri (MACU).

Tujuan

Tambahnya lagi, belia-belia yang berminat menyertai kelas silat Gabungan Seni Tari dan Pencak Silat Sunda Asli (Gestapes) boleh berhubung dengan Pertapis.

Di majlis penyampaian lencana, Presiden Pertapis, Encik Mohd. Hassan Mutalib telah menasihatkan belia-belia agar ja-

ngan menyalahgunakan silat yang bertujuan hanya untuk pertahakan diri.

Anjur kursus mengait

13 MAR 1978

Pencak silat

PERSATUAN Islam dan Pencaksilat Singapura akan menganjurkan kursus mengait pada tiap Sabtu mulai 1 April ini terbuka untuk wanita saja.

Kursus ini akan dijalankan di pejabat persatuan itu di Ipoh Lane dan bayaran menyertainya ialah \$5 tiap seorang. Pendaftaran adalah pada tiap Selasa, Rabu dan Sabtu.

Lebih 100 sertai peraduan mengarang Perpensis

8 APR 1978

LEBIH 100 orang pelajar telah menghantar karya-karya mereka untuk peraduan mengarang sempena Maulud Nabi anjuran Perpensis; demikian menurut ketua penerangannya, Encik Karim Maidin semalam.

Dia menambah, pihaknya telah menerima 160 buah karya untuk bahagian A, B, dan C yang terbuka kepada para pelajar berumur hingga 18 tahun, hingga di hari penutupnya 6 Mac lalu.

Bagi bahagian A para peserta dikehendaki menulis mengenai 'Riwayat Hidup Nabi Muhammad dan bahagian B serta C pula 'Riwayat Hidup dan Perjuangan Nabi Muhammad S.A.W.'

Pemenang ketiga bahagian itu yang pertama akan menerima wang tunai \$100, kedua \$50, ketiga \$25 dan lima hadiah sagu hati tiap satu \$10.

Menurutnya, isteri Anggota Parlimen Kolam Ayer, Cik Sharifah Abdul Majid akan menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Majlis penyampaian hadiah itu akan diadakan di Madrasah Al-Maarif pada 16 April mulai 2.00 petang.